

**NO. SOALAN : 14**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. ANANTHAN A/L  
SOMASUNDARAM**

**TARIKH : 5 SEPTEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN : 14**

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan rancangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim, Kedah.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan lapangan terbang baru di Kulim pernah dibuat sebelum ini. Kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah melantik KPMG Consulting and Risk Management Sdn Bhd (KPMG) untuk menjalankan kajian Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Baharu di Utara Malaysia. Hasil dapatan tersebut telah dibentangkan kepada Mesyuarat Majlis Ekonomi (EC) pada 14 Disember 2015. Dalam hubungan ini, mengambil kedudukan kewangan dan keutamaan pelaksanaan projek-projek Kerajaan, Kerajaan pada masa itu masih belum membuat keputusan untuk meneruskan pelaksanaan projek ini.

Kerajaan kini mengambil pendekatan bersifat terbuka dalam sebarang cadangan daripada mana-mana pihak untuk membantu merancakkan ekonomi negara termasuk cadangan untuk membina Lapangan Terbang Baru di Kulim, Kedah. Pendirian Kerajaan adalah untuk menyokong pertumbuhan industri logistik di Kedah. Sehubungan itu, adalah wajar sebarang cadangan berhubung pembinaan lapangan terbang di Kulim dikemukakan kepada Kementerian Pengangkutan untuk pertimbangan selanjutnya mengambilkira peranan dan kapasiti lapangan-lapangan terbang sedia ada yang berdekatan seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Star, Kedah dan Lapangan Terbang Butterworth.